



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 29

RABU 21HB JULAI, 1982.

1402 رابو 29 رمضان

PERCHUMA

D.K.M.B. DI-KORNIKAN KAPADA KERABAT2 DIRAJA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berkenan mengornikan Darjah Kerabat Mahkota Brunei kepada Kerabat2 Diraja yang di-perkenankan menurut susunan yang akan di-pakai untuk perasmian Puja Usia pada 15hb Ogos, 1982.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Wad-

den, D.K., G.C.V.O., K.C.M.G., P.S.S.U.B., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, D.K., S.P.M.J. (Johor), C.V.O., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkih, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jafriah, D.K., P.H.B.S.,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



TUAN Hakim Brian Leslie John berjabat salam dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-jurus sa-belum istiadat mengangkat sumpah.

BANDAR SERI BEGA- WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengornikan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kepada saramai 756 orang bersempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-36 tahun. Dari jumlah itu lebih dari 500 orang di-kornikan Pingat Kerja Lama.

Mendahului senarai penerima Bintang2 dan Pingat2 tersebut ialah YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib yang di-kornikan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Pertama—P.S.N.B.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Setia Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusof di-kornikan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama—S.P.M.B.

Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di-kornikan Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat

LEBEH 700 ORANG TERIMA BINTANG DAN PINGAT



Y.A.M. Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah



Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Awg Haji Hussein

Bersinar Darjah Kedua — D.S.S.U.B.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah mengornikan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua—D.P.M.B. yang membawa gelaran Dato Paduka. Mereka ialah YAM Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah bte Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim, Awang Haji Abdullah bin Metassan, Dr Arthur Sothyrajan Sinnatambay, Supt. Pengiran Noralam bte Pengiran Haji Ismail, Supt. Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail, Awang Kifi bin Bujang dan Dr Sherlock Syn Lek Chin.

Tiga orang di-kornikan Darjah Seri Ugama Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga — S.S.U.B.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia

Lihat muka 20



Dato Seri Setia Awang Haji Yahya



Dato Paduka Awang Haji Abdullah

P'jaya Mahkamah Besar mengangkat sumpah

BANDAR SERI BEGA- WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantik Tuan Hakim Brian Leslie John sa-bagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar Brunei bagi tempoh selama tiga tahun.

Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru itu telah mengangkat sumpah jawatan di-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Istana Darul Hana pada hari Isnin lepas.

Berangkat ka-istiadat tersebut ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohammad Bolkih, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkih dan YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd. Alam.

Turut juga hadir termasuklah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Britic di-Brunei, Yang Terama Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, YAB Pemangku Menteri Besar, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, YAN Pengiran Speaker, YAN Peguam Negara dan P mangku Pegawai Kewangan Negara.

Sa-orang lagi wanita lulus ijazah kedoktoran

BANDAR SERI BEGA- WAN. — Sa-orang lagi wanita Brunei, telah berjaya memegang ijazah dalam bidang kedoktoran baru2 ini. Beliau mendapat ijazah Doktor Perubatan dari The Royal Free Hospital School of Medicine di-London University, London.

Doktor Lim Meng Keang, bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri dan pernah menuntut di-Pusat Tingkatan Enam di-Jalan Muara, telah meninggalkan negeri ini bagi meneruskan pengajian-nya di-United Kingdom atas biasiswa Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia pada tahun 1976.

Berasal dari Kampong Ujong Jalan di-Daerah Temburong, Doktor Lim di-jangka akan memulakan perkhidmatan-nya dengan Kerajaan Brunei tahun depan. Beliau akan kembali ka-United Kingdom awal bulan depan untuk berkhidmat sa-bagai

House Physician di-Dunstable Hospital di-Luton.

Doktor Lim ada-lah merupakan wanita Brunei yang ke-2 memegang ijazah kedoktoran. Doktor wanita Brunei yang pertama ialah Doktor Dayang Hajjah Intan bte Hj. Salleh yang lulus dalam tahun 1980.

Manis-nya Iman

"HIASI-LAH hari2 raya kamu dengan berakbir."—HADITH Nabi riwayat At-Tabarani daripada Abu Hurairah.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIARZ HARI RABU

ANNUAL
BISMILAH
KEHARUKAN
BRUNEI

21HB JULAI, 1982

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Hari Raya :

DALAM KITA BERGERAK

KA-ARAH KESEJAHTERAAN

HARI RAYA menjelang lagi. Saperti tahun2 yang lalu kita menyambut-nya dalam suasana aman dan berkeselamatan.

Kebetulan kita berhari raya kali ini dalam kita bergerak sa-chara yang lebeh ketara ka-arrah matalamat yang di-hajati bagi kesejahteraan raayat dan negeri. Dalam tahun ini sahaja Kerajaan telah memperkenalkan sa-kurang2-nya dua undang2 baharu dan mengesankan lagi undang2 yang sedia ada. Dan kerana usaha pembangunan semakin di-pergiatkan lalu di-sana sini terdapat semacham kesebukan membangun dan menguasai. Sementara itu, raayat semakin di-dedahkan kepada masalah sekitar kebajikan mereka dan di-beritahukan tentang pandangan serta usaha Kerajaan mengenai-nya. Pendedahan hal ehwal semasa mengenai negeri dan Kerajaan sa-chara yang lebeh kerap bukan saja memberikan raayat kesempatan mengetahui dan menilai usaha2 Kerajaan bahkan lebeh dari itu ia-lah meningkatkan lagi jangkaan atau ekspektasi mereka terhadap performance Kerajaan.

Kesemua itu sa-akan2 menyebabkan 'ke-jutan' — yang bagi sa-tengah2 orang di-rasakan tidak enak dan tidak selesa sementara bagi sa-tengah2 yang lain merasakan-nya sa-bagai berpatutan dalam kita berhajat meningkatkan kesejahteraan raayat dan negeri untuk masa hadapan yang panjang.

Dalam pada itu, apa pun kesan daripada 'ke-jutan' langkah yang di-ambil dan keadaan yang berbangkit namun kita perchaya raayat terbanyak negeri ini mempunyai sikap yang di-bentuk oleh amalan2 beragama. Antara-nya yang terpenting dan utama ia-lah tabah menghadapi kesukaran dan sabar menunggu sebarang kemungkinan. Kedua2-nya ini tentu semakin di-hayati semasa menunaikan ibadat puasa. Jika dalam berpuasa itu kita terlateh mengenapikan keselesaan yang lazim untuk suatu jangka waktu tertentu maka hendak-nya begitu pula dalam kita menghadapi suasana dan keadaan pada masa Kerajaan sedang bergerak sechara yang lebeh ketara ka-arrah kesejahteraan raayat dan negeri. Sa-benar-nya dalam apa pun keadaan kita tidak sepatut-nya merasakan sebarang kepentingan kita di-ketepikan semata2 kerana mahu di-ketepikan saperti juga kita tidak sepatut-nya menuntut supaya kepentingan kita sahaja perlu di-pelihara.

Dengan semangat insaf akan kedudukan dan keadaan kita yang sa-benar maka dalam suasana Hari Raya yang bahagia ini kita menguchapkan Selamat 'Aidilfitri dan seikhlas2-nya memohonkan maaf zahir batin.

Hanya beberapa hari lagi akan tiba-lah kita kepada detik yang di-nantikan oleh sekalian kaum Muslimin ia-itu berhari Raya Puasa. Dengan bergema-nya nanti takbir dan tahmid di-ruang udara bererti telah sempurna kita menunaikan kewajipan rukun Islam yang ketiga berpuasa di-bulan Ramadhan. Di-samping bergembira menikmati juadah hidangan di-siang hari kita juga bersedeh kerana hari2 yang penuh di-berkati oleh Allah telah berlalu dari kita. Beribadat di-bulan puasa tiada bandingan-nya di-sisi Allah kerana ia mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan.

PERANAN SURU RUMAH-TANGGA

Menjelang hari raya ini yang paling sebak ia-lah suri2 rumah-tangga kerana membuat beberapa persediaan dan kelengkapan berupa kueh-mueh juga perhiasan rumah supaya hari bahagia itu akan menampakkan suasana yang lebeh berseri lagi. Sudah menjadi kelaziman, bukan sahaja kepada orang2 Islam di-Brunei malah orang2 Islam di-luar negeri berbelanja lebeh dari biasa ketika menjelang-nya hari2 kebesaran Islam sa-umpama ini. Dalam menghadapi suasana dan keadaan sa-umpama ini kita perlu-lah menanamkan dalam jiwa kita perasaan menshukuri nikmat Allah dan bukan hendak bermegah2 atau ria', kerana Allah Subhanahu Wata'ala itu indah dan Dia (Allah) suka kepada sa-tiap perkara yang indah2. Dalam pada itu jika hendak berbelanja pun biar-lah dalam kemampuan masing2 dan tidak sampai membawa kepada hutang piutang yang menyusahkan diri sendiri. Dan yang penting-nya tidak sampai kepada peringkat membazir.

Sa-bagai umat Islam sejati yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala, maka di-dalam perkara menyediakan makanan dan minuman untuk tetamu harus-lah di-sedari jangan sampai terkeluar dari batas2 yang di-halalkan oleh Islam. Identiti kita sa-bagai sa-orang Islam harus di-tunjokkan kepada tetamu kita baik sa-sama Islam mahu pun bukan Islam. Tidak sa-mata2 untuk mengembirakan-nya kita hidangan perkara2 yang terlarang saperti minuman keras. Walau pun tuan rumah hanya sa-takat menghidangkan tetapi dengan perbuatan itu tidak-lah bererti ia terlepas dari dosa. Sa-benar-nya hari2 yang berkat ini akan

SA-CHEBIS RENONGAN MENJELANG HARI RAYA

Oleh :

Pg. Haji Mohammad
bin Pg. Haji Abd. Rahman

mana umur di-tangan Tuhan, tidak dapat di-tentukan bila-kah lagi masa-nya kita akan dapat memberi dan menerima maaf dari saudara kita itu. Mungkin kita tidak mampu untuk menziarahi kesemua-nya, tetapi sa-bagian dari-nya pun sudah di-kira menjalakan ajaran Islam.

KAD2 HARI RAYA

Juga salah satu bentuk bagi menghubungkan Sillatulrahim di-zaman moden ini ia-lah mengirim-balas kad Hari Raya. Langkah ini pun dapat di-katakan sa-bagai ingatan kepada saudara2 sa-ugama kita khas-nya yang jauh. Tetapi sungguh pun begitu belum-lah sampai kepada martabat ziarah menziarahi sa-bagaimana keterangan hadith di atas tadi.

Sa-jauh yang dapat di-ingat kembali, sikap ziarah menziarahi ini boleh di-katakan hebat dan meriah ia-lah pada tahun2 lima puluhan dan awal enam puluhan dulu, pada hal kenderaan pada masa itu maseh sedikit, tetapi orang sanggup berjalan kaki berbata2 jauh-nya sa-mata2 untuk menemui keluarga atau sahabat handai mereka. Sa-lepas itu sikap sa-demikian berkurang di-kalangan masyarakat kita. Apakah yang menyebabkan hal itu berlaku? Tidak mudah untuk memberikan jawapan, tetapi saya rasa agak baik untuk di-analisa dan di-renongkan bersama.

Pertama, mungkin kerana ranchangan hiburan yang sa-makin baik dan bermutu di-hidangkan oleh mass2 media kita saperti Radio dan Talivishen yang menyebabkan para penonton terpaksa di-hadapan kaca Talivishen masing2. Sudah tentu ini merupakan kejayaan besar pehak yang berkenaan. Tetapi di-samping mengharapakan kejayaan ini tentu elok barangkali di-fikirkan supaya masa siaran-nya di-sesuaikan agar kaum Muslimin dapat berziarah dan dapat menonton ranchangan bermutu lagi menarik yang di-maksudkan. Chuma masalah yang timbul ia-lah sa-kira-nya ranchangan kita dapat di-ator begitu rupa, para penonton mungkin pula akan memutar saloran t.v. luar negeri. Sa-jauh yang dapat saya faham, kaum Muslimin di-negara2 jiran tetangga baik yang dekat atau yang jauh juga mengalami keadaan yang sama. Jadi hal ini barangkali hanya dapat di-atasi jika penyelarasan dapat di-buat.

KANAK2 MEMERIAHKAN SUASANA

Sebab yang lain, mungkin kerana kesibukan hal ehwal dalam rumah-tangga menyebabkan masing2 lebeh seronok dalam rumah-nya sendiri bersama anak2, ibu bapa dan keluarga dari mengunjongi sahabat handai di-tempat2 lain. Akhir-nya yang memeriahkan suasana hari raya ini hanya-lah anak2 yang maseh kecil dengan pakaian mereka yang chantek molek sambil membawa salam orang tua-nya ka-tempat2 mana di-datangi-nya.

Perlu di-ambil perhatian ia-itu pada hari pertama Aidil Fitri kita kaum Muslimin di-wajibkan berpuasa, jelas-nya di-haramkan berpuasa pada hari tersebut. Hari2 lain yang juga di-haramkan berpuasa ia-lah pada hari Tashrik sa-lama tiga hari ia-itu sa-masa Hari Raya Aidil Adha.

Tetapi sa-lepas hari pertama Aidil Fitri itu di-sunnatkan kaum

Muslimin berpuasa sa-lama enam hari lagi sa-bagai lanjutan kepada puasa bulan Ramadhan ini. Orang2 kita Brunei memanggil-nya 'puasa enam' Chara melakukan-nya boleh di-buat sa-chara berturut2 ia-itu mulai dari 2hb. hingga 7hb. Shawal, dan boleh juga di-pisah2kan ia-itu berpuasa pada tarikh yang tidak berturut2. Apa yang penting ia-lah puasa sa-lama enam hari itu di-buat dalam bulan Shawal.

FADHILAT PUASA ENAM

Siapa yang mengerjakan puasa ini besar sekali pahalanya sa-bagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang erti-nya: "Barangsiapa berpuasa Ramadhan lalu di-ikuti dengan puasa enam hari sa-sudah masuk bulan Shawal, maka sa-olah2 ia berpuasa sa-tahun penuh." (Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Muslim dan lain2 dari Abu Ayub Al-Ansari Radhiallahu Anhu.)

Barangkali mungkin ada yang akan bertanya: Mengapa di-kira orang yang berpuasa Ramadhan yang kemudian-nya di-ikuti dengan puasa enam hari di-bulan Shawal itu sa-olah2 ia berpuasa sa-tahun penuh. Maka bagi menghuraikan kemushkilan ini para alim ulama telah menafsirkan maksud hadith ini, begini:

"Sa-suatu kebajikan itu di-lipat-gandakan pahalanya sa-puluh kali ganda. Oleh yang demikian puasa di-bulan Ramadhan (30 hari) itu sama-lah juga dengan puasa sa-puluh bulan (300 hari) dalam kiraan $30 \times 10 = 300$ hari. Sementara puasa enam hari di-bulan Shawal itu sama juga dengan berpuasa dua bulan (60 hari) dengan kiraan $6 \text{ hari} \times 10 = 60$ hari. Jadi sa-puluh bulan di-champorkan lagi dengan dua bulan menjadikan jumlah-nya semua dua belas bulan atau sa-tahun."

ZAKAT FITRAH

Satu perkara lagi yang perlu di-ingatkan dan wajib di-laksanakan ia-lah mengeluarkan zakat fitrah. Abdullah Ibnu Masud telah berkata yang erti-nya: "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mewajibkan di-keluarkan zakat fitrah sa-bagai pembersehi bagi sa-seorang yang berpuasa dari perkataan yang perbuatan yang tidak ada munafakat-nya atau kata2 kotor dan sa-bagai pemberian makanan kepada kaum yang miskin. Barangsiapa yang mengeluarkan sa-belum sembahyang Aidil Fitri maka zakat fitrah-nya itu di-terima (sa-bagai suatu kewajiban yang di-fardhukan), dan barangsiapa yang mengeluarkan-nya sa-sudah sembahyang Aidil Fitri maka ia hanya akan di-kira sa-bagai suatu sedekah dari berbagai sedekah biasa sahaja. (Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Abu Daud, Ibnu Majah dan Darauquni). Tegas-nya masa yang di-berikan untuk mengeluarkan zakat fitrah ini ia-lah dari awal Ramadhan hingga-lah kepada sa-belum sembahyang Aidil Fitri. Jadi kaum Muslimin yang maseh belum melaksanakan-nya kerana terlupa dan sa-umpama-nya maseh berkesempatan bagi melakukan-nya sekarang.

Sekian dahulu. Suara takbir dan tahmid akan bergema tidak lama lagi. Kaum Muslimin akan berduyun2 ka-masjid2 dan surau2 sa-bagai tanda gembira dan bersukor atas limpah nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Sa-hingga kepada sa-bahagia itu, maaf zahir dan batin.

JAMBATAN HUBONGKAN KG. LURONG DALAM DENGAN SMSK

Soalan: Sa-orang penduduk dari Mukim tersebut telah menyebarkan kekhawatiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan meniadakan agar Kerajaan akan dapat mendirikan sa-buah jambatan yang akan menghubungkan Kampung Lurong Dalam dengan Sekolah Menengah Sungai Kebu yang baru bagi kemudahan penuntut2 sekolah di sekitar mukim berkenaan.

Jawapan: Menurut Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman, memang Kerajaan sudah pun membuat chadangan dan membuat rancangan tertentu untuk mengadakan kemudahan sa-umpama itu. Perkara ini kalau saja tidak silap sedang di-fikirkan dan diusahakan oleh jabatan berkenaan dan sekira-nya perkara urusan pendahuluan selesai nanti, maka peruntokan-nya akan di-pohonkan dan sa-sudah itu, Insha Allah perlaksanaan-nya akan di-jalankan.

Mengenai dengan perkara itu juga, tegas Yang Berhormat, tentu-lah Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kemudahan2 seperti kemudahan2 pelajaran ini yang mana bukan sahaja di-maksudkan untuk memberikan kemudahan supaya kanak2 atau murid2 sekolah selesai belajar tetapi keselamatan kanak2 itu juga merupakan satu faktor yang utama.

MOTOR SANGKUT BAGI PENUNTUT2 SEKOLAH

Soalan: Penduduk2 di-Mukim tersebut juga menyebarkan permohonan supaya dapat di-sediakan motor sangkut Kerajaan bagi mengangkut penuntut2 dari Kampung sa-berang ka-tempat yang berdekatan dengan sekolah2 mereka. Jika kemudahan2 ini tidak dapat di-sediakan, penduduk2 di-Kampung tersebut memohonkan supaya dapat di-pertimbangkan pembayaran alaan sa-bagaimana juga penuntut2 di-daratan.

Jawapan: Sa-bagaimana yang kita sedia maalom, pada ketika ini, dasar yang berjalan bagi penuntut2 atau pun murid2 sekolah yang bersekolah di-daratan ia-lah apabila penuntut2 itu tinggal lebih daripada tiga batu daripada sekolah, mereka ini akan di-berikan samada kenderaan perchuma atau pun di-berikan alaan tertentu. Di-waktu yang sudah2 bahawa anak2 sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan juga barangkali sekolah Melayu Pusu Ulu yang tinggal atau bermastautin di-Kampung Ayer ada di-sediakan motor sangkut. Tetapi bagi mereka yang tinggal di-Kampung Ayer yang berdekatan dengan persekolahan tentu-lah kemudahan2 seperti pengangkutan ini merupakan kemudahan yang tidak sa-mesti-nya di-perlukan atau di-sediakan oleh Kerajaan.

Menurut Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Kerajaan di-samping memberikan kemudahan pengangkutan dari semasa ka-semasa merancang untuk mengadakan pusat2 persekolahan yang tertentu. Mithal-nya Sekolah Menengah Sungai Kebu yang telah di-bina, tentu-lah akan memberikan kesenangan kepada penuntut2 yang bermastautin di-Kampung Ayer, kata-lah di-Maktab SOAS ataupun di-Sekolah STPRI akan di-pindahkan ka-kawasan itu.

PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

Soalan: Sa-lain daripada pengangkutan, soalan juga telah di-sampaikan kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai dengan pakaian seragam atau pun uniform yang di-pohonkan agar dapat di-bekalkan dengan perchuma pada murid2 dan penuntut2 sekolah semata-mata untuk

DARI SOALAN2 YANG DI-SEBAHKAN

Dalam keluaran kali ini — ia-itu dari soalan2 yang di-sebahkan oleh penduduk2 Kampung Ayer semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, maka akan sempurna-lah segala soalan2, kemuskilan, chadangan2 serta masalah2 yang di-sebahkan oleh penduduk2 Mukim Kampung Ayer.

Di-keluaran yang lepas, Kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib telah pun menjelaskan berbagai-bagai

soalan yang telah di-sebahkan oleh penduduk2 di-Mukim Saba, Peramu, Sungai Kebu, Sungai Kedayan dan Tamoi.

Pada keluaran kali ini, kita akan berpeluang pula mengetahui tentang ulasan Kerajaan mengenai dengan soalan2 yang telah di-sebahkan oleh penduduk2 Mukim Burong Pingai semasa keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-mukim tersebut pada hari Sabtu 10hb. April. Jawapan dan ulasan Kerajaan kali ini di-bentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib, Pemangku Setiausaha Kerajaan. Soal-jawap ini telah pun di-siarikan oleh Radio dan Talivishen dalam Liputan Nasional pada hari Sabtu 10hb. Julai yang lalu.

bayaran bil2 ayer yang pada ketika ini tuntutan-nya di-buat dalam enam bulan sekali, penduduk2 di-sana menyebarkan supaya tuntutan itu di-buat sabulan sa-kali bagi merengankan bebanan bayaran ayer bagi penduduk2 Kampung Ayer.

Jawapan: Kerajaan sentiasa memikirkan atau pun chuba mengusahakan meninggikan mutu perkhidmatan yang lebih baik bagi orang ramai. Dalam keadaan ini, saya juga ingin meminta kepada orang ramai supaya memberikan kerjasama dan sumbangan mereka terhadap usaha2 ini. Insha Allah, kita akan mengusahakan sa-daya upaya tetapi dalam hal ini Kerajaan menghadapi beberapa kesulitan

UNDANG2 MOTOR SANGKUT

Soalan: Berdasarkan dengan motor tambang yang kian bertambah di-Sungai Brunei, penduduk2 mukim berkenaan merasakan peraturan bagi perjalanan motor sangkut seperti juga 'highway code' dalam pengangkutan darat amat perlu di-adakan. Menurut penduduk2 berkenaan sa-tengah2 motor sangkut sudah menggunakan lampu semasa perjalanan malam walau pun perkara ini bukan perkara yang di-atorkan seperti juga had laju perjalanan motor sangkut tersebut.

Jawapan: Pernah di-nyatakan di-waktu2 yang sudah2 bahawa Kerajaan ingin untuk mengawal keadaan di-mana Kerajaan telah pernah mendatangkan pakar untuk meneliti keadaan seperti ini dan kerajaan pada ketika ini sedang merangka undang2 yang tertentu dan Insha Allah sa-sudah undang2 itu di-luluskan nanti tentu-lah perkara sa-umpama itu terkawal dan tentu-lah peraturan yang baru akan dapat di-kuatkuasakan dan Insha Allah hal ini akan dapat di-atasi.

ALAON PERJALANAN BAGI PEGAWAI2 KERAJAAN

Soalan: Telah juga di-timbulkan chadangan supaya kaki-tangan Kerajaan yang bermastautin di-Mukim Kampung Ayer di-pertimbangkan bagi di-bayar alaan perjalanan dari rumah ka-pejabat.

Jawapan: Peraturan yang berjalan ketika ini, sa-seorang pegawai Kerajaan yang mempunyai kenderaan-nya sendiri samada kereta ataupun outboard boleh di-berikan alaan perjalanan sekira-nya dengan menggunakan kereta sendiri berkerja dan tinggal di-kawasan yang tidak kurang dari tiga batu ataupun lebih daripada tiga batu, lebih dari itu dan 12 batu dan sa-umpama-nya. Tetapi syarat-nya bahawa kenderaan itu ada-lah milik-nya sendiri dan juga tertakal kepada hakikat bahawa ia tidak mendapat alaan perjalanan. Jadi peraturan ini sudah berjalan dan akan terus berjalan.

BALAI PERHIMPUNAN

Soalan: Berbalek kepada kemudahan2 di-Kampung Ayer, penduduk2 di-mukim tersebut berpendapat ada-lah berjasa2 supaya sa-buah balai perhimpunan dapat di-bina di-Kampung Ayer yang melengkapkan kemudahan2 khutub khaman, ruang sokan, surau, bilek2 mashuarat dan konsep komuniti hall.

Jawapan: Saya ingin menyatakan dari awal bahawa apa jua kemudahan yang di-berikan pada sa-satu kampung itu sa-chara '6-6-6', jadi apa saja keputusan yang di-buat oleh Kerajaan mengenai dengan perkara ini tentu-lah ia merupakan satu dasar yang mana di-larutkan kepada kampung2 lain supaya rayat di-negeri ini akan dapat menikmati-nya. Bagi Kampung Ayer, Kerajaan atau jabatan yang berkenaan pada waktu ini sedang giat melaksanakan waktu kajian. Kajian ini ada-lah merupakan satu kajian yang mana kita chuba untuk merancang semula kawasan Kampung Ayer. Sa-bagaimana yang kita sedia maalom kita telah mengalami beberapa kebakaran baru2 ini dan untuk mengelakkan kesukaran2 yang telah berlaku maka ada-lah perlu rasa-nya bagi kita untuk menentukan supaya kawasan perumahan di-Kampung Ayer itu akan dapat di-atorkan sa-hingga orang2 yang hidup atau yang bermastautin di-kampung itu akan merasa ia akan selamat dan hidup selesa. Jadi dengan matalamat itu melalui jabatan berkenaan sedang giat melaksanakan satu rancangan untuk meneliti perkara itu. Jadi berbalek kepada kemudahan

Lihat Muka 6

ULASAN K'JAAN MENGENAI SOALAN2 YANG DI-SEBAHKAN OLEH PENDUDOK2 MUKIM BURONG PINGAI

merengankan bebanan persekolahan yang di-tanggung oleh ibu bapa murid2 di-Kampung tersebut.

Jawapan: Untuk menjawab soalan ini, saya kira ada baik-nya kalau kita melihat pada ketika ini apa-kah kemudahan yang telah di-berikan oleh Kerajaan pada murid2 sekolah yang terdiri dari rayat kebawah DYMM. Pada ketika ini Kerajaan menyediakan atau memberikan kemudahan bayaran persekolahan sa-chara perchuma yang mana sangat besar maknanya kerana dengan chara sa-demikian murid2 atau penuntut2 sekolah tidak perlu membayar dari segi bayaran persekolahan apa pun.

Sa-lain daripada itu, Kerajaan juga menyediakan buku2 teks dan buku2 rujukan yang juga di-berikan sa-chara perchuma. Bagi sekolah di-bandar2 kita menyediakan minum perchuma dan bagi sekolah2 luar bandar kita juga menyediakan makanan perchuma. Kemudian daripada itu mereka yang tinggal di-asrama, penuntut2 yang jauh atau datang dari kawasan pendalaman atau kawasan yang agak terpencil kita, menyediakan asrama yang mana boleh-lah di-katakan kehidupan penuntut2 itu di-tanggung oleh Kerajaan baik dari segi makan minum mahu pun tempat tinggal. Sa-bagaimana yang saya nyatakan tadi dasar yang berjalan mengenai dengan kenderaan kita juga menyediakan kenderaan sa-chara perchuma. Dan sekira-nya kenderaan tidak dapat maka penuntut2 itu di-beri alaan dan sa-umpama-nya.

Jadi dengan ada tanggungan2 ini dapat-lah kita berfikir dan mengasaskan pandangan dan kita pada masa ini, pendapat bahawa tanggungan ini saya kira ada-lah perlu kita kekalkan dan tidak-lah payah atau kurang-lah muna-sabah-nya bagi kita untuk mengadakan kemudahan pakai-an seragam persekolahan. Perkara ini harus-lah di-tanggung-jawab oleh ibu-bapa pada ketika ini.

TAMBAHAN BIDAN KERAJAAN

Soalan: Salah sa-orang penduduk mukim berkenaan juga menimbulkan berkenaan dengan bidan2 Kerajaan di-Kampung Ayer yang mana menurut mereka bilangan bidan2 di-Kampung Ayer tidak mencukupi. Pada pendapat sa-tengah penduduk2 di-mukim tersebut dengan bertambah-nya

bilangan penduduk2 di-Kampung Ayer, bilangan bidan harus juga di-tambah mengikut kadar pertumbuhan penduduk2-nya.

Jawapan: Saya telah di-fahamkan oleh jabatan berkenaan bahawa pada ketika ini terdapat 10 orang bidan yang berkhidmat di-kawasan yang tertentu di-Kampung Ayer. Saya juga di-fahamkan di-Kampung Tamoi Tengah sa-orang lagi bidan akan di-adakan. Jadi dengan ada-nya bilangan bidan2 itu saya penoh perchaya perkhidmatan itu ada-lah satu perkhidmatan yang mencukupi pada ketika ini, tentu-lah bukan untuk membuat perjanjian tetapi hal ini akan di-kaji dari semasa ka-semasa memandang kepada keperluan terutama penduduk yang ada di-kawasan itu. Jabatan yang berkenaan, jelas Yang Berhormat tentu-lah akan mempertimbangkan untuk mengadakan bilangan yang lebih daripada itu.

KELINIK KAMPUNG LURONG DALAM

Soalan: Klinik di-Kampung Lurong Dalam ada-lah di-fikirkan kecil bagi kegunaan penduduk2 di-mukim2 yang berdekatan. Apa-kah langkah Kerajaan bagi memampukkan kehendak2 klinik ini terutama sekali bagi ibu2 yang mengandung dan anak2 damit?

Jawapan: Bagi menjawab soalan ini, Yang Berhormat memberitahu bahawa pembesaran atau pun ubahsuai klinik Kampung Lurong Dalam sudah pun di-laksanakan dan pada masa ini sedang di-buka kepada orang ramai. Perkhidmatan yang terdapat di-klinik tersebut bukan sahaja bagi ibu2 yang mengandung dan anak2 damit tetapi juga bagi pesakit2 luar. Saya juga telah di-fahamkan bahawa satu bilek khas sedang di-usahakan yang mana nanti di-harapkan perkhidmatan rawatan gigi akan di-mulakan.

AMBULANCE BERGERAK

Soalan: Penduduk2 mukim berkenaan juga menyebarkan kekhawatiran kepada Majlis Kebawah DYMM dengan memohonkan ambulance bergerak atau outboard keheemasan yang sentiasa bersedia 24 jam bagi kemudahan ibu2 mengandung atau pun sa-barang kemalangan yang berlaku di-Kampung Ayer. Dan mereka juga memohonkan sa-buah ambulance dapat di-sediakan berpusat di-tambatan Kastam Diraja

selama 24 jam bagi kemudahan2 yang sama.

Jawapan: Sa-benar-nya pada ketika ini, jabatan yang berkenaan ia-itu Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan sejak beberapa tahun yang lalu sudah menyediakan outboard keheemasan yang di-tempatkan selama 24 jam saya di-fahamkan bahawa dermaga Diraja pada ketika ini ada di-sediakan dua buah bilek bagi pegawai2 dalam jangka waktu yang tertentu begitu juga kemudahan talipon di-sediakan di-tempat itu bagi kegunaan keheemasan.

Di-Rumah Sakit Umom pada ketika ini, juga telah di-sediakan dua buah ambulance yang mana di-tempatkan dalam jadual perkhidmatan 24 jam terus menerus. Dengan jarak Rumah Sakit Besar dengan Dermaga Kastam Diraja, maka pada ketika ini di-dapati bahawa perkhidmatan yang di-sediakan itu ada-lah berpatutan dan mencukupi.

TEMPAT BAGI MEMBAYAR BIL2 LETRIK

Soalan: Kemudahan bagi menjelaskan tuntutan bayaran atau bil2 letrik dan ayer telah juga di-sebahkan di-mukim tersebut. Maka bagi bayaran letrik penduduk2 di-sana meniadakan supaya bayaran bil2 letrik dapat di-adakan di-Kampung Ayer bagi memudahkan suri rumah tangga yang tidak bekerja membuat bayaran tersebut tanpa ada kesulitan2.

Jawapan: Yang Berhormat dalam menjawab soalan ini berkata, kita telah pun mengarahkan jabatan2 kerajaan yang berhadapan dengan orang ramai yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, supaya meninggikan taraf perkhidmatan mereka dan mempe-satkan usaha2 mereka ka-arrah memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai. Chadangan seperti itu, kata Yang Berhormat, kita sambut dengan begitu gembira dan Jabatan Letrik telah memikirkan perkara ini di-mana mereka telah memilih tiga buah tempat bagi maksud2 tersebut di-Kampung Ayer — ia-itu di-Kampung Lurong Dalam, Kampung Bakut Berumput dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam. Perkhidmatan ini akan di-mulakan pada tahun depan. Insha Allah.

BAYARAN AYER

Soalan: Berkenaan dengan

xi) Sa-buah hadith di-riwayatkan oleh Imam Muslim, Al-Bokhari, Abu Daud dan An-Nasa'i daripada sahabat Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda yang erti-nya: "Telah di-tulis di atas anak Adam (manusia) dari perkara zina, maka tidak boleh tidak anak Adam itu akan terlibat dalam zina. Dua mata zina-nya itu akan memandang yang haram dan dua telinga zina-nya itu akan mendengar perkara yang haram (seperti mendengar nyanyi haram, mengumpat dan lain²), dan lidah zina-nya itu akan berkata² yang haram (seperti mengumpat, mengutok, melaknat, merendah²kan orang Islam, dengki²kan orang Islam dan lain²), tangan zina-nya itu akan menyerang dan memukul, kaki zina-nya pula berjalan menuju pada perkara yang haram (seperti bertandak dan berjoget) sedang hati berchinta dan berangan², dan kemaluan itu membenarkan yang demikian itu atau mendustakan-nya."

xii) Sa-buah hadith lagi di-riwayatkan oleh Imam At-Tabarani dan Al-Baihaqi daripada sahabat

DALAM beberapa kehuaran yang lalu Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei telah menulis beberapa perkara yang di-haruskan dalam melihat perempuan. Minggu ini Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja mengakhiri tulisan-nya berhubung lengan "Melihat Perempuan: Bila-kah Di-Haruskan?" ini dengan beberapa keterangan dari Hadith2 Rasulullah s.a.w.

— Penyunting.

Siri ke-141

MELIHAT PEREMPUAN: BILA-KAH DI-HARUSKAN?

Ma'qal bin Yasar r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang erti-nya: "Di-chuchok kepala sa-seorang kamu dengan jarum besi itu lebih baik dari menyentuh anggota sa-seorang perempuan yang tiada halal bagi-nya."

CHELAKA LAKI2 DAN PEREMPUAN

xiii) Menurut Imam At-Tabarani daripada sahabat

Abi Umamah r.a. bahawa berkelakuan dengan kelakuan yang tersebut).

xiv) Daripada sahabat Abi Said r.a. kata-nya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang erti-nya: "Tiada menjelang waktu pagi, melainkan dua malaikat berseru mengingatkan laki2 dan perempuan dengan seruan: chelaka laki2 daripada perempuan dan chelaka perempuan daripada

laki2." Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dan Al-Hakim, menurut-nya hadith ini Sahihol-Isnad.

Demikian-lah berbagai2 dalil yang menegah dari melihat perempuan yang halal nikah dan menegah perempuan halal nikah dari melihat laki2 yang halal nikah dengan-nya, juga haram berchampur gaul di antara pemuda pemudi laki2 dan perempuan yang bukan mahram sa-bagai mana yang banyak kita lihat berlaku dalam masha-rakat sekarang ini.

WALLAHU A'ALAM

**YANG DIMULIAKAN
PEHIN DATU
SERI MAHARAJA
MENULIS**



Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

Lawatan sambil mengajar ka-rumah2 sakit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan sambutan Nuzul Al-Kor'an tahun ini yang berkebetulan jatuh-nya dalam bulan Ramadhan yang mulia ini Jabatan Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Daawah dan Tabligh sedang mengadakan lawatan2 sambil mengaja-
rka-Rumah2 Sakit Kerajaan dan bahagian2 tertentu Jabatan Kerya Raya di seluruh negeri sa-bagai sa-

lah satu kegiatan2 daawah-nya di-sepanjang bulan puasa ini.

Tujuan lawatan tersebut ada-lah untuk memberi peluang khas-nya kepada pekerja2 wanita di-rumah2 sakit dan pekerja2 di-Jabatan Kerja Raya, menerima ajaran2 Ugama Islam terutama mengenai perkara2 menghalusi bacheaan dan perbuatan2 dalam sembahyang dan juga yang berhubung dengan

ibadah puasa serta hukum2-nya.

Lawatan tersebut telah di-lakukan serentak pada hari Isnin, 5hb. Julai lalu bagi ke-empat2 buah Rumah Sakit di-negeri ini, ia-itu Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan, Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Rumah Sakit Kerajaan, Tutong dan Rumah Sakit Kerajaan, Temburong. Lawatan ini akan berterusan sa-tiap hari bermula dari jam 12.00 tengah hari hingga 1.30 petang, kechuali pada hari Ahad dan Jumaat dan ia-nya berakhir pada 20hb Julai ini.



SATU majlis bertadurus anjoran pemuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah di-langsungkan di-Surau MPUSB minggu lalu. Antara yang hadir di-majlis itu ia-lah YAM Pengiran2 Cheteria, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama; Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Setia Awang Haji Hussein serta jemputan2 khas yang lain (gambar atas).

Majlis Khatamal Kor'an

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Satu Majlis Memperingati Nuzul Al-Kor'an dan Khatamal Kor'an bagi ahli2 Pusat Latehan di-sini telah di-langsungkan malam Khamis lalu, 15hb. Julai bertempat di-Madrasah Pusat Latehan di-Perkhemahan Bolkiah.

Majlis yang di-anjorkan oleh anggota2 Pusat Latehan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei malam itu telah bermula dengan upacara sembahyang fardhu Isha dan Terawikh berjemaah dan di-ikuti dengan bacheaan Al-Kor'an oleh naib-johan Peraduan Kor'-

an Perengkat Beruniform tahun ini, 5263 Sgt. Abd. Rahman bin Haji Salleh.

Ia-nya di-teruskan dengan majlis Khatamal Kor'an oleh pelajar2 Al-Kor'an Madrasah Pusat Latehan dan Sharahan Khas mengenai Nuzul Al-Kor'an yang telah di-sampaikan oleh Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman.

Sementara itu, Majlis Khatamal Kor'an juga telah di-adakan malam Jumaat lalu, 16hb. Julai oleh anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, bertempat di-Madrasah Perkhemahan Berakas.

Sementara itu lawatan yang sama ka-bahagian2 tertentu di-Jabatan Kerja Raya bagi ke-empat2 daerah di-negeri ini telah bermula pada 8hb. Julai yang lalu dan di-jangka berakhir lewat bulan ini.

Rombongan lawatan tersebut ada-lah terdiri daripada Pegawai2 Ugama dan Guru2 Ugama lelaki dan perempuan serta Pegawai2 di-Bahagian Daawah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.



BULAN RAMADHAN yang mulia dan penuh dengan kebajikan itu chuma beberapa hari sahaja lagi akan meninggalkan kita. Jikalau ia sudah berlalu pasti-lah ia tidak akan kembali lagi. Ada pun bulan Ramadhan yang akan datang, itu bukan-lah bulan Ramadhan tahun ini kerana waktu-nya ada-lah berlainan. Maka berbahagia-lah orang2 Islam yang giat beramal ibadat di-dalam bulan ini. Dan rugi-lah mereka yang men-sia2kannya lebeh2 lagi bagi orang2 yang tiada berpuasa dan berbuat maksiat yang lain.

Orang2 sa-umpama itu pasti-lah akan menyesal di-akhirat kerana menganiaya diri masing2 dan tiada tahu menghargakan kornia2 Allah.

Sesudah kita menjalani ibadat puasa sa-lama sabulan itu, akan tiba-lah pula hari raya yang banyak pula mengandungi unsur2 ibadat di-dalam-nya. Salah satu perkara yang mustahak kita lakukan sebelum menjelang-nya hari raya itu ia-lah mengeluarkan zakat fitrah yang mana kadar-nya telah pun di-hebahkan kepada ramai menerusi alat2 sebaran am.

ANTARA LANGIT DAN BUMI

Untuk itu mari-lah kita meninjau beberapa hukum

Puasa yang kita lakukan sa-panjang bulan Ramadhan belum di-terima sa-chara sah oleh Allah melainkan sa-sudah di-bayar zakat fitrah-nya

Zakat fitrah: Menyempurnakan ibadat puasa

ugama kita mengenai zakat fitrah itu.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda erti-nya:

"Puasa Ramadhan bagi sa-seorang hamba itu ada-lah dalam keadaan tergantung antara langit dengan bumi sa-hingga-lah dia menunaikan zakat fitrah-nya. Apabila telah menunaikan zakat fitrah-nya, maka Allah menjadikan (sa-bahagian burung) yang mempunyai dua sayap yang berwarna hijau yang dapat ia gunakan untuk terbang sampai ka-langit yang ketujuh. Kemudian Allah memerintahkan supaya ia di-taruh di-dalam lampu tergantung dari lampu2 Arash hingga-

lah datang tuan yang memileki-nya."

Dengan keterangan hadith itu dapat-lah kita fahamkan bahawa puasa yang kita lakukan sa-panjang bulan Ramadhan ini belum di-terima sa-chara sah oleh Allah Ta'ala melainkan sesudah di-bayarkan zakat fitrah bagi-nya.

Sayedina Abdullah bin Abbas r.a. berkata erti-nya: Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah itu ada-lah sa-bagai pembersehi bagi sa-seorang yang berpuasa dari dosa mengeluarkan perkataan yang sia2 dan keji serta sa-bagai pemberian makan kepada orang2 miskin.

Barangsiapa yang mengeluarkan-nya sa-belum sembahyang dua rakaat hari raya, maka itu-lah fitrah yang di-terima oleh Allah, dan barangsiapa yang mengeluarkan-nya sesudah sembahyang dua rakaat hari raya maka fitrah-nya itu hanya-lah merupakan sa-bagai sedekah sunnat yang biasa sahaja.

KEPERLUAN FAKIR DAN MISKIN

Dengan keterangan tersebut dapat-lah kita fahamkan bahawa waktu mengeluarkan zakat fitrah itu hendak-lah sa-belum sembahyang hari raya. Bahkan menurut Imam Shafie harus mengeluarkan zakat fitrah

itu dari awal Ramadhan.

Kita sedia maalom bahawa di-antara orang yang berhak menerima zakat fitrah itu ia-lah orang fakir dan orang miskin. Kedua2 golongan itu ia-lah orang2 yang tiada berkemampuan untuk memenohkan keperluan2 belanja hidup-nya dan belanja orang2 yang di-bawah tanggungan-nya. Mereka itu sama juga perasaan-nya ingin berhari raya dengan gembira dan chukup keperluan2-nya seperti orang yang berada. Kerana itu jika zakat fitrah di-bayar sa-lepas berlaku hari raya, tentu-lah mereka tidak dapat menikmati suasana hari raya itu dengan keadaan

yang lebeh baik dan gembira.

Oleh yang demikian, ada-lah di-serukan pada tuan2 supaya tuan2 menunaikan zakat fitrah tuan2 dan orang2 yang di-bawah tanggungan tuan2 dengan sa-besarnya segera yang boleh kepada amil2 yang telah di-lantik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan negeri ini, mudah2an dengan demikian segala amalan puasa kita di-terima oleh Allah Ta'ala dan dapat-lah pula kita merengangkan bebanan orang2 fakir dan miskin khas-nya ketika mereka sama2 menyambut hari raya kelak.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28hb Julai, 1982 hingga ka-hari Selasa 3hb Ogos, 1982 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
28hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
29hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
30hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
31hb	Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
1hb	Ogos	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16
2hb	Ogos	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16
3hb	Ogos	12.30	3.48	6.40	7.51	4.43	4.58	6.16

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Seminar Tulisan Jawi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dengan kerjasama beberapa buah jabatan kerajaan yang lain buat julung2 kali-nya akan mengadakan Seminar Peningkatan dan Penyibaran Tulisan Jawi bertempat di-Dewan Jubli Perak, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiyah, Gadong salama tiga hari berturut2 mulai 29hb Julai.

Kira2 200 orang peserta dari jabatan2 kerajaan di-jangka akan menyertai seminar tersebut. Sa-banyak empat buah kertas kerja akan dibentangkan dalam seminar itu. Kertas2 kerja itu masing2 bertajuk: Masalah Tulisan Jawi Di-Sekolah2 dan Maktab2; Pengajaran dan Penggunaan-nya yang di-se-diakkan oleh Ketua Pegawai Kurikulum, Dk Mariam bte Pg Haji Matarsad, Penyelaras Tulisan/Ejaan Jawi Yang Lengkap di-tulis oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwah Utama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Sejarah dan Perkembangan Tulisan Jawi Di-Brunei di-sediakan oleh Awang Metussin bin Omar dan Awang Metassin bin Haji Jibah dari Jabatan Muzium, Brunei dan kertas kerja ke-empat bertajuk Penyibaran dan Peningkatan Tulisan Jawi Di-Brunei di-sediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwah Utama, Brunei di-jangka akan merasmikan seminar tersebut.

Amanah dan adil terhadap sa-sama manusia

"Bahawasa-nya Allah menyuruh kamu memulangkan bales segala hak2 yang di-amanahkan kepada yang ampunya-nya, dan apabila kamu menghukum antara manusia, hendak-lah kamu menghukum dengan adil. Ini-lah sa-baik2 perkara yang di-nasehatkan Allah kepada kamu. Bahawasa-nya Allah itu sangat mendengar dan sangat melihat." (Ayat 58 dalam surah An-Nisa).

JANGAN PILEH KASEH

Berdasarkan ayat di-atas, Allah s.w.t. mewajibkan ka-atas sa-tiap orang2 Islam baik orang2 yang berkuasa dalam pemerintahan, supaya berlaku amanah dan adil dalam memerintah, apa jua bentuk-nya sama ada kecil atau besar-nya satu2 pemerintahan itu; mengembalikan hak2, menjaga-nya dan menunaikan segala tugas2 yang di-amanahkan kepada-nya.

Bingkisan minggu ini

Allah s.w.t. telah mengamanahkan kepada orang2 yang berkuasa supaya menjalankan hukuman dengan adil. Adil yang di-katakan oleh Allah itu ada-lah dalam semua aspek kehidupan kita, jangan pilih kaseh dalam satu2 hukuman. Akibat-nya keruntuhan akan berlaku, perasaan tidak puas hati tentu-nya akan timbul di-setiap diri manusia. Akibat tidak ada keadilan dan pilih kaseh itu akan menimbulkan suatu implekasi kepada sa-sebuah negara. Jiwa akan tertekan. Jangan-lah di-sia2kan hak orang, jangan-lah di-tipu daya, jangan-lah makan suap. Wajib-lah atas sa-seorang itu

memperbuat perkara yang ia suka orang membuat pada diri-nya sendiri.

Rengkas-nya asas atau panchasila sa-sebuah negara atau kerajaan Islam itu dua perkara, pertama amanah dan kedua keadilan. Jika salah satu daripada kedua-nya itu tidak terdapat di-dalam satu2 pemerintahan, maka akan pinchang-lah negara atau kerajaan itu. Ini-lah sa-baik2 pesanan Allah. Sesungguh-nya ia sangat mendengar pengaduan orang yang kena aniaya dan di-zalimi, dan Allah sangat melihat akan gerak geri orang yang khianat dan chuai itu.

94 orang memelok ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 94 orang (termasuk kanak2) telah di-daftarkan memelok Ugama Islam di-negeri ini sejak bulan Januari hingga

pertengahan tahun ini. Dari jumlah tersebut Daerah Brunei dan Muara ada-lah yang terbanyak sekali ia-itu sa-ramai 57 orang, di-ikuti oleh Daerah Temburong 2

orang, Daerah Belait sa-banyak 25 orang dan Daerah Tutong 10 orang.

Pada tahun lepas (1981) sa-ramai 189 orang telah memelok Ugama Islam.

SENARAI NAMA2 PENERIMA BINTANG DAN PINGAT

Pengorniaan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei (Hari Keputeraan) 15hb. Julai, 1982.
Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Pertama — P.S.N.B.

YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, DSNB. SLJ. PHBS. PJK.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B.

YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain bin Pehin Orang kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusoff, DSNB. DPMB. PHBS. PJK.

Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua — D.S.S.U.B.

Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B.

Drama KERBAU membentangkan kisah sa-orang penternak kerbau yang bernama Lamat. Kerbau2 ini hidup terbiar merayau2 hingga merosakkan kebun2 jiran-nya bernama Kassim. Kassim marah apabila melihat habis kebun2-nya di-musnahkan oleh kerbau2 Lamat. Pada satu ketika mereka chuba menyelesaikan perkara itu sechara damai dan Kassim mahukan ganti rugi dan ini yang menyebabkan Lamat kurang senang hingga terjadi pertengkaran yang membawa perkelahian.

Drama ini menggunakan logat Brunei dengan barisan pelakon2 terdiri dari Zaini Hamid, Gillen Ahmad, Nipah Sukajimi dan memperkenalkan pelakon baru Siti Zaliha Sahamat. Drama Kerbau ini akan di-tayangkan pada Hari Raya Ketiga.

Taridra NAKHODA MANIS akan di-siarkan pada Hari Raya Ketiga.

Di-samping itu RTB juga menyediakan beberapa buah ranchangan hiburan yang mengandongi nyanyian dan tarian. Tayangan gambar Melayu dan Inggeris juga akan di-siarkan untuk menyambut Hari Raya ini.



MONA terlantar di-rumah sakit akibat kemalangan di-Jalan Raya, dalam drama KEINDAHAN WAJAH.



RAIS Banih memegang watak Liau Ladis dan Hajjah Salmah sa-bagai isteri, dalam drama PADAM.

Ranchangan2 TV untuk kanak2 sempena Hari Raya Aidil Fitri



SA-BAHAGIAN dari kanak2 yang mengambil bahagian dalam ranchangan Rampaisari Kanak2 Hari Raya yang akan dapat kanak2 semua saksikan pada Hari Raya Kedua. Ranchangan ini mengandongi nyanyian2 dan tarian2, dengan penyanyi2 undangan Dk Rosdiah Pg Mohiddin, Naib Johan Bintang Kechil 82, Ak Sofian P. A. Hashim, Lailawati P.O.K.L.W. Haji Salleh dan rakan2 jemputan dari Taman Asohan Kanak2 Dy Freda dan Hannah Corcut serta kawan2, tarian oleh penari2 kanak2 RTB.

SEMPENA Hari Raya ini RTB akan menyiarkan ranchangan2 khas untuk adek2. Ranchangan2 tersebut termasuklah persembahan2 dari johan dan naib johan Bintang Kechil dari tahun 1978 hingga tahun 1982, dalam ranchangan Bintang Filehan. Dk Monira bte Pg Mohiddin (kiri) ada-lah di-antara yang akan menghiborkan adek2. Ranchangan ini juga akan diselangi dengan tarian2 persembahan dari penari2 kanak2 RTB.



UNTOK hiburan pada adek2 kechil di-Hari Raya mulia ini Pak Chik Jamal Mohamad akan Berhari Raya dengan sa-bahagian dari kanak2 dan bertemu ramah mesra dengan beliau, sambil berhibor dengan persembahan nyanyian dari Raezah Md Zain, juara Bintang Kechil 82 dan Ak Saiful Rizal Malek Faisal Pg Omarali, ranchangan ini akan di-siarkan pada Hari Raya Kedua.

Gambar atas kelihatan Pak Chik Jamal sedang menemui ramah sa-bahagian dari kanak2 dalam ranchangan tersebut. Sementara gambar bawah pula kelihatan kumpulan penari Marichit Hifilina dengan tarian penghonor.



Radio minggu ini: SEMBAH SALAM AIDIL FITRI

SEJUJUR hati seikhlas rasa. Di-ucapkan Selamat Hari Raya. Mohon silap di-maaf salah di-ampun. Dengan semangat Aidil Fitri.

Itu-lah 'thema' sambutan Aidil Fitri Radio Brunei tahun ini. Terlalu besar pengertian Aidil Fitri kepada seluruh Juruhebah Radio kerana selain dari hari baik, bulan baik maka dengan segala suchi hati dan keikhlasan rasa kami memohon maaf zahir dan batin kepada seluruh para pendengar Muslimin dan Muslimat. Sejak lama kami menyedari bahawa kesilapan dan kesalahan berlaku ketika menjalankan tugas sa-hari2. Lebeh2 lagi kesilapan dan kesalahan para Juruhebah itu tidak dapat di-sapu2kan ka-bawah tikar atau 'di-tapok-tapok' ka-dalam fail, kerana ia di-dengar oleh ratusan ribu telinga. Bagaimana radio harus menafikan-nya.

Adakala-nya Juruhebah itu

sendiri berchakap bagaikan mimpi. Di-luar panas matahari bagaikan membakar alam ini, tiba2 Juruhebah mengumumkan waktu sekarang tepat jam 10.00 malam. Ini bukan-lah bererti Juruhebah itu separoh gila chuma bagi sa-orang Juruhebah yang bertugas dalam studio malam dan siang serupa sahaja tiada beza-nya. Dalam studio tidak ada matahari, tidak ada bulan, tidak ada bintang, tidak ada suara chengkerik dan tidak ada suara burung2 malam.

Kami khusus mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua para artis radio; penyanyi2, pemusik2, pelakon2 drama radio, penulis2 sekerip dan kepada pengkeritik2 — termasuk Malik Awang Damit (MAD) dan Dy. Mahal. Kesemua mereka itu telah memberikan sumbangan mereka masing2 untuk meningkatkan nilai persembahan Radio Brunei dari semasa ka-

semasa. Uchapan khas ini disampaikan dengan segala senang hati, jujur, amanah lagi ikhlas hening dan bening dan dalam semangat Aidil Fitri yang sa-tiap tahun mengajar kita supaya saling bermaafan atas segala kesilapan dan kesalahan. Kita buang yang keroh untuk mengambil yang jernih. Yang putus kita sambong, yang pechah kita tautkan, yang 'pulak' kita chantumkan. Ini-lah semangat Aidil Fitri, dan alangkah bahagia-nya kita sa-bagai Umat Islam.

Para Juruhebah tidak pernah berhasrat malah tidak ghairah untuk melayan keritik dan teguran dengan rasa marah2. Tetapi kami sentiasa mengambil pelajaran dari surat2 yang bertanda tangan palsu dan tidak punya nama dan alamat sabener itu. Surat2 seperti itu kami anggap sa-bagai satu lagi karya seni yang 'priceless'.

Sempena kedatangan Hari Raya Aidil Fitri ini, kakitangan Radio Brunei sedang menyediakan beberapa buah ranchangan untuk hiburan para pendengar nanti, di-antara-nya ia-lah ranchangan Selamat Hari Raya dari pelajar2 Brunei di-London, Kuala Lumpur dan Singapura. Ranchangan khusus ini diusahakan ia-lah bagi menghubungkan pelajar2 kita yang berada di-luar negeri dengan ibu-bapa atau saudara mara mereka di-tanah ayer di-saat menjelang-nya Aidil Fitri itu. Uchapan Selamat Hari Raya dari London di-jadualkan akan di-siarkan sa-chara langsung. Kami berharap segala2-nya akan berjalan dengan baik seperti yang di-jadualkan untuk menghubungkan Aidil Fitri di-Brunei ka-London yang jarak-nya hampir sa-puluh ribu batu.

Selamat Hari Raya. Minal-'aidin Walfaizin.



DALAM gambar ini kelihatan pelakon2 drama Radio yang men-jayakan cerita KENANGAN MENGUSIK JIWA yang di-tulis oleh Adi Ratna ia-itu salah sa-orang penulis veteran yang mengesahkan pergolakan hidup keluarga bila mana ada di-antara anak2 mereka yang tersisih rebut merebut sa-orang gadis dan benchi membenchi sa-sama saudara. Untuk lanjutan sila-lah ikuti kisah ini yang di-siarkan pada Hari Raya nanti. Ranchangan di-terbitkan oleh Abdullah Ag Damit.



SALAH sa-orang penyanyi jemputan, sedang di-temuramah oleh Zaini Md Yusoff, sa-belum menyampaikan sa-buah lagu persembahan-nya dalam pestaria yang di-rakamkan di-Dewan Kemasharakatan Tutong. Ranchangan ini akan di-siarkan pada Hari Raya Ketiga jam 1.00 tengah hari.



DK. Faridah Pg Damit, salah sa-orang penyanyi berbakat di-tanah ayer, akan menghiborkan awda dalam ranchangan Pesta Antarabangsa terbitan Abdul Manaf Adam. Ranchangan tersebut akan di-siarkan pada Hari Raya Kedua jam 8.15 pagi.



ERWAN Md Said, penyanyi kanak2 yang berbakat, akan menghiborkan awda dalam ranchangan Pesta Ria Hari Raya yang di-rakamkan di-Dewan Kemasharakatan Tutong.



RANCHANG UNTU

MALAM HARI RAYA:

Malam Majallah Radio
Perutusan Hari Raya
Takbir Hari Raya
Esok Hari Raya
Drama Malam Raya
Permintaan Talipon

HARI RAYA PERTAMA

Pagi Intisari Kad Hari Raya
Menjelang Fajar Aidil
Kuliah Suboh
Bachan Al-Kor'an
Takbir Raya
Persembahan Gambus
Ngah Haji
Penyertaan Penuntut
Kugiran Tanah Ayer
Drama.

T/Hari Seloka Merpati
Dendang Juruhebah

Petang Permintaan Talipon
Jenaka Rama
Musafir Di-Aidil Fitri

Malam Pantun Hari Raya
Kugiran Tanah Ayer
Salam Dan Lagu
Salam Muhibbah Dan
Gema Keronchong
Bachan Al-Kor'an

HARI RAYA KEDUA:

Pagi Album Radio
Pesta Antarabangsa
Permintaan Talipon
Purba Jenaka

T/Hari Kugiran Aidil Fitri

Petang Drama Mekar
Pesta Rama Pop
Dendang Juruteknik
Sketsa Aidil Fitri
Sukma Rama

Malam Tetamu Khas Hari Raya
Kugiran Aidil Fitri
Beralas Pantun
Artist Luar Negeri
Salam Muhibbah Dan
Dendang S. M. Salam

HARI RAYA KETIGA:

Pagi Rampaisari Aidil Fitri
Dendang Si-Alai
Jenaka Rama

LEBEH 60 BUAH RANCHANGAN RADIO DI-SUSUN

RADIO KHAS HARI RAYA

Permintaan Talipon

- T/Hari** Kugiran Aidil Fitri (5)
Pesta Ria Daerah Tutong
- Petang** Pesta Rama Mekar Di-Aidil Fitri
Gema Aidil Fitri Di-London
Drama Khas Hari Raya
Ranchangan Khas Ugama
- Malam** Salam Dari Rumah Sakit
Salam Muhibbah Dari Kota
Singapura
Kugiran Aidil Fitri
Asli Rama
Dariku Untuk Mu.

HARI RAYA KE-EMPAT :

- Pagi** Album Remaja Aidil Fitri
Perajurit Berhari Raya
Drama Khas Hari Raya
Kugiran Aidil Fitri (6)
Chitra Irama
Pentas Dangdut
- T/Hari** Pesta Ria Daerah Temburong
- Petang** Salam Muhibbah Dari Kuala
Lumpur
Album Hari Raya
Bintang-Bintang RTB
Sinar Chahaya Di-Aidil Fitri
- Malam** Salam Aidil Fitri Dari
Juruhebah2 Lama
Kenangan Mengusik Jiwa
Permintaan Talipon.

HARI RAYA KELIMA :

- Pagi** Cherpen Hari Raya
Bergembira Dengan Pelajar2
Tempatan
Autograph Aidil Fitri
Sastra Raya
Pentas Film
- T/Hari** Pertandingan Bintang Kechil
Radio 1982
- Petang** Berbalas Pantun Dengan
Artist Luar Negeri
Irama Dakwah
Pulis Diraja Berhari Raya
Dendang Si-Alai (SU)
- Malam** Majallah Radio
Ku Tujukan Lagu Hari Raya
Langgam Suara.

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, telah menyediakan lebih 60 buah ranchangan, khas untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang jatuh-nya pada hari Khamis atau hari Jumaat. Antara ranchangan2 yang menarik, seperti: — Pentas Ria Aidil Fitri, yang di-rakam di-Dewan Kemasyarakatan Tutong dan Dewan Ria Pekan Bangar Temburong. Tujuh buah pancharagam tempatan yang di-terbitkan oleh Zaini Md. Yusoff. Beberapa buah Drama Khas, di-terbitkan oleh Abdullah Awang Damit, dengan mengundang pelakon2 yang berbakat. Pentas Dangdut yang menjadi kegemaran ramai, yang di-rakamkan di-Dewan Ria Pekan Bangar Temburong, terbitan Bahmin Hamdan.

Taman Mekar Berhari Raya, yang di-jurucharakan oleh Abd. Jamal Muhammad, yang di-terbitkan oleh Dk. Rasinah Pengiran Haji Kahar. Irama Gambus di-Aidil Fitri, terbitan Jamilah Abdullah. Jenaka Rama Aidil Fitri, di-terbitkan oleh Ak. Ahmad Pengiran Hj. Mahmud. Seloka Merpati di-Aidil Fitri, terbitan Ali Haji Aji. Irama Keronchong, terbitan bersama Md. Shah Haji Salleh dan Ali Haji Aji.

Sukmarama, Aslirama, merupakan ranchangan mingguan, di-sesuaikan dengan suasana Hari Raya oleh penerbit-nya Dk. Maskupah Pengiran Tajuddin.

Pesta Antarabangsa, di-rakamkan di-Dewan Kemasyarakatan Tutong, di-terbitkan oleh Abdul Manaf Adam. Pantun dan Cherpen Hari Raya di-terbitkan oleh Zainab Haji Md. Taha.

Kenangan Mengusik Jiwa, di-terbitkan oleh Salmah Abd. Rahman. Berhari Raya dengan penuntut2 London, di-terbitkan oleh Jaayah Haji Jaya. Dan tidak ketinggalan penerbit2 baru. Intisari Kad Hari Raya, di-terbitkan bersama oleh Hasnah Suhaili dan Lena Ali. Dan tidak ketinggalan ranchangan2 berchorak ugama, seperti Bachaan Al-Kor'an dan sa-buah ranchangan khas ugama, terbitan Emran Md. Yusoff.

Penerbit2 radio sebek meninjau dan menemuramah pendengar2 untuk mengetahui kesibokan suasana Hari Raya Aidil Fitri tahun ini. Yang menjadi kegemaran ramai dalam ranchangan2 radio di-Hari Raya ini ialah ranchangan setahun sekali 'Dendang Juruhebah' dimana kesemua juru2hebah dan penerbit2 radio akan memperdengarkan suara mereka di-suasana Hari Raya pertama jam 1.00 tengah hari.

Bahagian Melayu Radio Brunei akan menyambong siaran-nya seperti berikut:—

Malam Hari Raya sa-lama 24 jam (hingga pagi) Hari Raya kedua, ketiga

dan ke-empat, bermula jam 6.00 pagi hingga jam 12.00 malam. Bahagian Melayu juga akan menyiarkan sa-chara langsung Sembahyang Hari Raya dari Masjid Serusop.

Permintaan melalui Talipon (tempatan) di-siarkan sa-chara langsung pada malam Hari Raya bermula jam 11.00 malam hingga 2.00 pagi. Permintaan Talipon (tempatan) Hari Raya kedua jam 3.15 petang hingga 5.00 petang. Hari Raya ketiga jam 10.15 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan Hari Raya ke-empat bermula jam 10.00 malam hingga 11.45 malam.

Sementara Salam Muhibbah (melalui talipon) di-siarkan langsung dari Kota London, Kuala Lumpur dan Singapura ada-lah seperti berikut:—

Salam Muhibbah dari penuntut2 Brunei di-London pada 23hb. Julai 1982 jam 10.00 malam hingga 11.00 malam. Salam Muhibbah dari penuntut2 Brunei di-Kuala Lumpur pada 25hb Julai 1982 jam 2.00 petang hingga 3.00 petang. Dan Salam Muhibbah penuntut2 Brunei di-Singapura pada 25hb. Julai 1982 jam 8.30 hingga 9.30 malam. Kepada keluarga yang berkenaan di-mana sanak saudara sedang menuntut di-tempat2 yang disebutkan supaya akan dapat mengambil ingatan.



RANCHANGAN Irama Dakwah mengundang Johan Nashid lelaki dan perempuan ia-itu Persatuan Perangkab untuk menghiborkan awda pendengar. Kumpulan Nashid ini di-iringi oleh Sri Wana Combo pimpinan Syed Hashim Abdullah. Bersempena Hari Raya yang mulia ini kumpulan nashid ini akan mendendangkan beberapa buah lagu2 dakwah yang menggambarkan suasana Hari Raya. Siaran-nya akan dapat di-ikuti pada Hari Raya Kedua jam 5.45 petang.

RANCHANGAN KAP-KAP UDANG — 26HB. JULAI HINGGA 1HB. OGOS

ISNIN — 26HB JULAI

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG 658.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN KERUSI, PAPAN HIKMAT, TUNJOK BENDA, KETUA KESELAMATAN, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah JOCK DENGAN KUEH BATU.

NA GANJIL, KERJA TANGAN, BELON SI-MANIS, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI. Kerja tangan Che'gu Rokiah ia-lah membuat mainan roda.

SELASA — 27HB JULAI

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG 659.
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, YANG MANA GANJIL, KERJA TANGAN, BELON SI-MANIS, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI. Kerja tangan Che'gu Rokiah ia-lah membuat mainan roda.

KHAMIS — 29HB JULAI

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG 661.
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, LIHAT DAN PERHATI, PETI SURAT, BERSEMAN, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

SABTU — 31HB JULAI

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG 662.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERLAKUN, DI-MANA TEMPAT-NYA, MAIN MUZIK, MAIN BAKUL, BERNYANYI dan CHERMIN SAKTI.

AHAD — 1HB OGOS

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, LIHAT DAN PERHATI, PETI SURAT, BERSEMAN, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

RABU — 28HB JULAI

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG 660.
Ranchangan hari ini di-muati dengan

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, YANG MA-

PERSATUAN BEKAS PENUNTUT2 MAKTAB SOAS ADAKAN MAJLIS TADARUS

Oleh : Jaafar Ibrahim

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Sejak bermula-nya puasa yang jatuh pada hari Rabu 23hb. Jun yang lalu, umat Islam di-negeri ini mengadakan berbagai-bagai majlis yang berchorak ugama. Majlis bertadarus dan sembahyang Tarawikh ada-lah yang paling nyata dan mengambil tempat dalam bulan yang mulia lagi berkat ini.

Di-masjid2, surau2, rumah2 ibadat dan rumah2 orang perseorangan pada tiap2 malam apabila sahaja selesai sembahyang fardhu Isha akan bergema-lah suara Umat Islam memuji kebesaran Allah s.w.t. Kegemaan suara2 itu bukan sahaja akan kedengaran di-bandar2, desa2 atau pun kampung2 malah telah menjalar ka-daerah2 pendalaman yang jauh perhubungan dengan bandar2.

Bagi negara kita Brunei Darussalam ini, perkara pada mengerjakan kedua2 ibadat tersebut memang sudah tidak dapat di-nafikan akan kenyataannya lagi. Perkara ini bukan-lah merupakan yang baru dan asing bagi kita, kerana kedua2 ibadat tersebut bukan sahaja diambil bahagian oleh pegawai2 masjid sahaja malahan pertubohan2 belia dan kebajikan, jabatan2 Kerajaan dan penuntut2 sekolah turut serta mengadakan majlis sa-umpama itu.

Di-sepanjang bulan Ramadhan ini-lah akan kelihatan oleh kita, umat



Islam yang terdiri dari berbagai-bagai golongan dan perengkat masyarakat ia-itu dari kanak2 membawa kepada orang2 tua akan berduyun2 pergi ka-masjid2, surau2 dan rumah2 ibadat yang berdekatan dengan mereka.

Kenyataan sa-umpama ini-lah menjadikan negara kita di-sanjiong oleh negara2 lain di-sebabkan perkembangan Ugama yang begitu meluas dan berkembang maju. Hal ini di-sedari di-lakukan oleh umat Islam di-negara kita, ia-lah sesuai dengan hasrat dan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan untuk menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap lagi rapus di-negeri ini.

Pada keseluruhan-nya, Bulan Ramadhan telah menjadikan belia2 belasan tahun yang maseh di-bangku sekolah terdorong dan terperangsang untuk

menyadari kewajiban masing2 bila mana sa-tiap malam, golongan saperti ini yang paling banyak membanjiri masjid2 dan surau2.

Ahli2 Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin adalah chontoh belia yang paling menonjol dan begitu baik untuk ditauladani.

Dengan menggabungkan diri untuk menjadi satu kumpulan, mereka telah menjadi satu rombongan tadarus ka-masjid2, rumah orang2 kenamaan dan orang ramai serta tidak ketinggalan juga rumah2 ahli2 persatuan itu pada tiap2 malam sa-panjang bulan Ramadhan.

Menurut setiausaha persatuan itu, mereka telah mula menjalankan projek sa-umpama itu sejak dua tahun yang lalu di-mana kegiatan tersebut akan di-jadikan sa-bagai projek tahunan persatuan itu.

Perarakan kereta, basikal berhias dan tanglong berjalan kaki

KUALA BELAIT. — Demi memeriahkan lagi suasana Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah di-Daerah Belait, satu perarakan kereta berhias dan basikal berhias dan tanglong berjalan kaki akan di-adakan.

Acharya yang merupakan kemunchak daripada acharya2 yang telah disusun oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan daerah tersebut akan di-langsungkan di-Padang KBRC daerah berkenaan pada waktu malam.

Untuk pengetahuan umum, perarakan tanglong pada tahun ini terbahagi kepada enam bahagian — Bahagian sekolah2 rendah Kerajaan, sekolah2 menengah dan maktab2, sekolah2 Missi dan China, kampung2, persatuan2 belia dan kebajikan, kelab2 dan pertubohan2 serta jabatan2 Kerajaan.


Sementara bagi perarakan semesta berhias pula ia-nya di-bahagikan kepada dua bahagian. Pertama kereta berhias untuk jabatan2 Kerajaan dan kedua bagi sharikat2, pemborong2, persatuan2, kelab2, pertubohan2 dan orang2 perseorangan yang

tinggal di-daerah Belait sahaja yang di-benarkan ikut serta.

Manakala perarakan basikal berhias ada-lah terbuka kepada orang ramai di-daerah berkenaan.

Butir2 serta borang2 untuk memasoki perarakan itu boleh di-dapati sekiranya daripada Awang Haji Morshidi bin Haji Abang Suhaili, Pejabat Pelajaran, Bahagian Pendidikan Jasmani, Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada nama yang tersebut di-atas tidak lewat dari hari Khamis 19hb. Ogos, 1982 jam 4.00 petang.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari ahli2 persatuan itu ketika bertadarus di-rumah salah satu orang ahli2-nya Dk Mariam binte Pengiran Othman di-Kampung Pengiran Pemancha Lama pada hari Selasa 6hb Julai yang lalu.

Perlawanan bolatampar bagi Jabatan2 Kerajaan

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei (BAVA) akan menganjorkan perlawanan bolatampar antara jabatan2 Kerajaan diseluruh Negeri Brunei.

Perlawanan itu di-anjorkan sempena menyambut Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin yang ke-36 tahun.

Pihak penganjor mengumumkan, perlawanan itu ia-lah bagi penyertaan lelaki dan wanita di-mana tiap2 sa-buah jabatan Kerajaan hanya di-benarkan menghantar satu pasukan lelaki dan satu pasukan wanita.

Tiap2 pasukan hendaklah mengandungi sa-orang ketua, timbalan, penolong atau pegawai kanan di-jabatan itu. Umur pemain2 mesti-lah 30 tahun ka-atas pada 15hb. Julai 1982 kechuali bagi pasukan wanita. Bilangan pemain2 bagi satu2 pasukan tidak kurang dari enam orang dan tidak melebihi 12 orang.

Pemain2 yang telah di-daftarkan tidak boleh di-ubah atau di-tukar ganti. Baju2 pemain2 hendaklah bertanda dengan nombor di-bahagian belakang yang berukuran 6" X 3 3/4" dan depan 3" X 1 1/2". Dan baju2 tiap2 pasukan hendaklah seragam.

Untuk pengetahuan umum, sa-tiap pasukan yang tidak hadir sahingga chukop masa di-berikan 10 minit, maka pasukan itu akan di-kira

kalah. Atau kedua2 pasukan hadir tetapi salah satu pasukan tersebut tidak menchukopi pemain2-nya dan telah chukop masa yang di-berikan maka pasukan itu juga di-kira kalah.

Bayaran bagi memasoki perlawanan itu ia-lah \$50.00 bagi tiap2 satu pasukan.

Pasukan2 yang ingin menyertai perlawanan itu mesti-lah mengisikan borang yang di-sediakan yang boleh di-dapati dari Awang Ismail bin Naim, Jabatan Kerahan Tenaga Awam,

Berakas Kem; Awang Zaimi bin Maidin, Jabatan Pasokan Bomba Brunei; Awang Abu Bakar bin Kassim, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Brunei; Awang Dams bin Salleh, Balai Bomba, Seremban; Awang Ismail bin Apong, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kuala Belait; Awang Haid bin Maksin, Balai Bomba, Tutong dan Awang Mohd. Yus bin Ibrahim, Balai Bomba, Temburong.

Pihak penganjor menetapkan bahawa 1hb. Ogos 1982 adalah tarikh terakhir bagi mengemul balik borang2 kepada nama berkenaan dengan pembayaran sekali. Borang2 yang terlewat dari tarikh yang telah di-tetapkan tidak akan di-layan.

Perlawanan ping pong anjoran BATTA

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Persatuan Ping Pong Amatir Negeri Brunei (BATA) akan menganjorkan perlawanan ping pong sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-36 tahun.

Perlawanan yang di-anjorkan bertujuan bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan di-Daerah Brunei dan Muara itu terbuka kepada seluruh penduduk di-negeri ini.

Pihak penganjor pada tahun ini mengelolakan tiga acharya perlawanan ia-itu lelaki berpasukan, perempuan perseorangan dan bergu.

Bagi acharya lelaki berpasukan, sa-tiap pasukan yang menyertai-nya mesti-lah mengemukakan pemain2 yang tidak lebih dari tujuh orang dan tidak kurang dari lima orang. Lima orang di-antara-nya

di-mestikan bermain pada tiap2 satu perlawanan. Jenis perlawanan ia-lah tiga orang perseorangan dan dua bergu.

Bayaran bagi memasoki perlawanan lelaki berpasukan ia-lah \$5.00 bagi satu2 pasukan yang mengambil bahagian.

Sementara bayaran bagi memasoki acharya perseorangan perempuan ia-lah \$1.00 dan \$2.00 bagi bergu.

Borang2 serta butir2 mengenai dengan perlawanan boleh di-dapati sekiranya daripada Awang Tarsad bin Damit, United National Finance Limited, Peti Surat 2292, Bandar Seri Begawan; Awang Emban bin Haji Hassan, Pejabat Pelajaran, Bahagian Pendidikan Jasmani, Jalan Sekolah, Seremban bin Abd. Halim, Pejabat Kerahan Tenaga Awam, Belaga; dan Awang Raymond bin Chop Yik Yuen, No. 3 Jalan Pretty, Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan dengan bayaran-nya hendaklah di-kembalikan kepada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Isnin 15 Ogos, 1982.

Sa-orang juruchak perlawanan itu berkata chorak bagi perlawanan ada-lah terbuka kepada ramai-nya penonton yang mana akan di-tentukan oleh pihak penganjor.

Tarikh dan tempat perlawanan itu di-jalankan akan di-umumkan kemudian oleh pihak penganjor.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN RADIO DAN TALIVISHEN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikur di-Jabatan Radio dan Talivishen Brunei.

1. PENOLONG PEREKA

Tangga Gaji :
C. 1 EB. 2 — \$1110-\$1680 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Calon2 ada-lah di-harapkan dapat menunjukkan bakti2 bakat artistik berbanding pada contoh2. Kelulusan peringkat G.C.E. 'O' level yang baik dalam mata-pelajaran lukisan ada-lah di-perlukan. Sekurang2-nya 4 tahun pengalaman sa-bagai Pereka Rendah sama ada dalam bahagian Grafik atau Rekabentuk Set. Tugas2 :

A) YUNIT REKABENTOK SET:

1. Menyediakan rajah2 untuk set dan lukisan termasuk 'elevations and structural details' seperti yang di-arahkan oleh kakitangan kanan.
2. Menjalankan penyelidikan asas untuk rekabentuk2.
3. Membantu Pereka dalam semua peringkat2 kerja-nya.
4. Menolong dan membina model untuk rekabentuk set yang tertentu.
5. Menjalankan kerja rekabentuk set untuk satu penerbitan kecil.

B) YUNIT GRAFIK:

1. Membuat rekabentuk grafik TV.
2. Melaksanakan kerja2 membuat ilustrasi, montages tajok2 atau model untuk ranchangan TV.
3. Memilih jenis permukaan dan cetakan dengan menggunakan mesin hot

press atau letterset atau lain2 jenis kerja peng-hurufan.

4. Menjalankan penyelidikan asas untuk kerja2 grafik TV/ilustrasi/grafik2 berita.

2. PENOLONG SARIKATA

Tangga Gaji :
D. 3-4 EB. 5 — \$720-\$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Mesti-lah lulus Tingkatan V dan G.C.E. Peringkat 'O' dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris serta fasah menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Berkeupayaan berfikir dan bertindak dengan chepat dalam suasana tegang.
- b) Kebolehan dalam kerja2 menaip dan trengkas ada-lah satu kelebihan.

Tugas2 :

Bertanggungjawab kepada Penyelia Sarikata, menaip skrip2 yang di-terjemah, menaip (merakam) di-'memory disc' 'punching' semasa pemancaran, membuat segala taip menaip untuk bahagian ini atau seperti yang di-arah oleh Penyelia Alehsuara.

'Am-nya :

Calon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Calon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untuk bertugas di-mana2 saja di-dalam negeri.

3. PENOLONG

PENGURUS PENTAS

Tangga Gaji :

D.1-2-3 EB.4-5 — \$425-\$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

Pernah mengikuti pepereksaan Tingkatan 5 Melayu atau Inggeris. Mesti-lah fasah dalam kedua2 bahasa. Pengetahuan dalam peratoran penerbitan dan berminat dalam drama dan hiburan sa-chara umum ada-lah di-perlukan.

Tugas2 :

Membantu Pengurus Pentas dalam tugas2-nya dengan apa chara yang di-perlukan dan ada kala-nya perlu bertugas sa-bagai Pengurus Pentas. Juga mengawasi urusan2 kecil dalam penerbitan, mithal-nya keselamatan, memberi isyarat kepada artis2 tambahan dll.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati dari Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Ogos, 1982.

(E/553/77—Bil: 203/82)

LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untuk membekalkan kenderaan2 bagi kepunyaan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Membekalkan CIF Brunei:—

- i) Supply of (4) units power cart with hydraulic dump

per.

- ii) Supply of (4) units power cart mounted with tanks and spray gun.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan2 (specifications) bagi kenderaan ini boleh-lah di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 hendak-lah dimasukkan dalam sampul surat yang tertutup dan alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-alamatkan Jabatan Kewangan Negara, Brunei dengan terang di-nyatakan 'membekalkan Kenderaan untuk Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan' dengan tidak ada tanda2 yang menunjukkan nama2 penawar di-sampul surat itu. Dan tawaran2 itu hendak-lah di-hantar tidak lewat pada 31hb Julai, 1982 jam 12.00 tengah hari. Tawaran2 yang di-terima lewat pada tarikh dan waktu yang di-tetapkan di-atas tidak akan di-layan.

4. Wang chengkeram sabanyak \$200.00 hendak-lah di-bayar kepada Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa pejabat di-buka.

5. Sharikat2 yang menghantar tawaran mereka ada-lah di-kehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis kenderaan tersebut yang di-tawarkan beserta dengan butir2 berikut:—

- i) Tarikh sampai.
- ii) Harga CIF Brunei.
- iii) Lama dalam jaminan.
- iv) Lain2 hal2 jika ada.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

SUCCESSFUL TENDERS

- 1 Construction of 1 block 10 units classroom, Religious School PSBSOAS, KB — Yong Sok Gen Contractor — \$327,600 — 6 months.
- 2 a) Construction of "C" flats, Kg Anggerek Desa, Phase VI — Chuon Tze Co — \$2,450,370 — 13 months.
b) Construction of "B" flats, Kg Anggerek Desa, Phase VII — Beng Thai Const Co — \$5,790,180 — 17 months.
- 3 Management of SU Kg Serusop canteen — Dy Noraini bte Abdullah at a monthly rental of \$350.00.
- 4 Information Section tender for postal franking machine — Star Trading & Printing Ltd — \$6,187 for Model Neopoot 405A with sealer unit.
- 5 Maintenance works on low voltage installation, Mukim Gadong — Mohd Hassan & Bros — \$21,052.64 — 9 weeks.
- 6 11KV substation, Kg Puduk — Sh Hj Metussin — \$50,380 — 3 months.
- 7 Electrical installation, New Admin/Classroom/Workshop blocks, Technical Institute — Lee Jong Elec Co — \$193,724.50.
- 8 Electrical tender for supply of storage racks — The Borneo Co (B) Ltd — \$289,189.00 — 18 weeks.
- 9 Contract JUA 24 — industrial area, Kg Beribi — Jack Phillips & Associates — \$886 per hectare — 6 weeks.
- 10 Supply of galvanised pipes (No 50/82) — Messrs South Island Trading Co — \$200,300.00.
- 11 Extension to dining hall, Jefri School of Engineering — Chia Construction Co — \$175,000.
- 12 Air conditioning SUK Building — Messrs Borneo Air Conditioning — \$2,227,157 — 14 months.
- 13 Insurance for helicopters and Piper Cherokees — Mollers' (Insurance Brokers) Pte Ltd, at a total premium of US\$50,830.
- 14 Electrical installation "C" qtrs, Telisai Telecoms Dept — Zaimah Contractor — \$76,060.
- 15 Electrical installation PWD barracks, Jalan Bolkih — Victory Electrical Co — \$13,456.
- 16 Electrical installation Library at Religious Teachers College — Hj Sulong Electrical and Eng Pte Ltd — \$27,505.
- 17 Repairs etc to "C" barracks, Istana Darul Hana — Hj Ahmad bin Hj Bakar — \$12,000 — 45 days.
- 18 Construction of "F" qtrs, at Sinaut — Mas Construction — \$354,000 — 7 months.
- 19 Fenders for RC bridge at Temburong — Central Dev Ltd — \$128,990 — 4 months.
- 20 Administration classroom etc for PLTB Jalan Muara — Sh Pembangunan Shambas 'AX' — \$2,571,044 — 9 months.
- 21 River improvement behind Land Transport Dept, Gadong — Terra-Firma Const Co 'AX' — \$650,980 — 12 months.
- 22 Constuction of concrete paving, Muara Port container yard — Paramount Services — \$604,888.75 — 6 months.
- 23 RBMR tender for disposal of Lot 77 — Lim Teck Sin — \$10,050.
- 24 Major arterial road from Jalan Tutong to Jalan Muara — Borneo Drilling Service — \$199,150 — 16 weeks.
- 25 Ports Department for canteen management — Aw Buang bin Hj Jamuddin — \$1,300 per month.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

SHARIKAT2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei untuk membekalkan 170 HELAI COTTON PRINTED CARPET (AMBAL) UKORAN 9' x 12' bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

2. Semua surat tawaran hendak-lah di-alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei dan nyatakan di-atas sampul surat "TAWARAN 170 HELAI COTTON PRINTED CARPET (AMBAL) tidak lewat 15hb Ogos 1982 jam 4.00 petang dan tawaran yang lewat di-terima sa-lepas

tarikh tersebut tidak akan di-perimbangkan.

3. Keterangan lanjut mengenai perkara tersebut boleh di-dapati dari Kerani Tingkatan II (Bahagian Tender) bilek No. 205, Tingkat Satu, Jabatan Hal Ehwal Ugama pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

4. Sharikat2 yang menghantar tawaran mereka ada-lah di-kehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis carpet (ambal) yang di-tawarkan beserta dengan butir2 berikut:—

- i) Tarikh sampai
- ii) Harga CIF Brunei
- iii) Lain2 keterangan, jika ada.

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

MEMBEKAL SA-BUAH VAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi membekalkan sa-buah Van seberat 2-3 ton untuk Jabatan Perchetakan Kerajaan Brunei.

Keterangan2 tawaran adalah seperti berikut:—

- i) Tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kewangan Negara, tingkat bawah, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 2.00 petang pada 22hb Julai, 1982 untuk pembekalan sa-buah Van seberat 2-3 ton kepada Jabatan Perchetakan Kerajaan, Brunei.
- ii) Kenderaan tersebut hendak-lah mempunyai kemudahan2 muatan yang boleh di-buka di-sebelah tepi serta berkunci (pin-tu kembar) dengan mempunyai tempat masuk udara di-bahagian atap

dan engine menggunakan petrol dari 1600-2000 c.c. Badan Van tersebut hendak-lah di-chat dengan Warna Cream dan nama Jabatan dalam bentuk tulisan yang biasa berwarna hitam di-kedua2 belah badan kereta tersebut.

iii) Semua tawaran hendak-lah di-kemukakan bersama dengan Catalogue-nya kepada Lembaga Tawaran dalam sampul surat yang bertutup dengan menyatakan "MEMBEKAL SA-BUAH VAN".

iv) Penyerahan di-kehendaki pada bulan September 1982 berserta dengan jaminan kemudahan memperoleh barang2 ganti yang chepat bergerak.

v) Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sa-rendah2-nya atau sebarang tawaran.

Di-Radio

Talivishen Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan2 kosong di-Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei.

1. CHARGEHAND ELECTRICIAN

Tangga Gaji :
D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Hendak-lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sa-bagai Electrician di-studio2 talivishen. Kebolehan sa-bagai ketua ada-lah penting untuk mengawal sa-kumpulan kecil pekerja2.

Tugas2 :

Kapada Pengawas Lampu bagi mengawasi Jurutekrik2 Studio yang membuat tugas2 memasang kelengkapan lampu. Berkhidmat sa-bagai baris pertama pemeliharaan letrik di-Studio.

2. PENYAMBU TETAMU

Tangga Gaji :
D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$421-\$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Calon2 mesti-lah sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut Tetamu.

Tugas2 :

a) Bertugas menyambut para tetamu RTB (bukan pekerja) yang hendak berjumpa sa-seorang Pegawai RTB. Mereka hendak-lah menghongi pegawai2 tersebut dengan talipan dan sa-lepas menerima kebenaran berjumpa, mereka mesti-lah mengarahkan tetamu mengambil pass masuk.

b) Mengiring para tetamu seperti di-sebutkan di-dalam Surat Keliling RTB yang tertentu.

c) Penyambut tetamu juga diminta menolong melayani tetamu khas RTB jika di-kehendaki, seperti yang di-beri tahu lebeh awal kepada Ketua Penyambut Tetamu.

d) Penyambut2 Tetamu juga di-tugaskan untuk menjaga keselamatan surat2 RTB yang datang dari luar dan menentukan-nya surat2 itu di-sampaikan kepada pehak2 yang berkenaan. Surat2 yang segera dan sulit hendak-lah di-sampaikan kepada pehak2 yang berkenaan dengan segera.

e) Penyambut2 Tetamu b bertindak selaku PRO bagi RTB dan dengan itu mereka mesti-lah menunjukkan peribadi yang bersopan santun dan berbudi baha-sa.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati dari Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Ogos, 1982.

(E/670/75—Bil: 200/82)

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

No. 8/1982

Steel Telephone Poles and Fittings — Manhole Fittings — Masonry Bolts

1. TENDERS are invited from suitably experienced manufacturers or their agents for the supply of steel Telephone Pole, Aerial Cable Brackets, Stay fittings, Cable Bearer Brackets, Manhole Ladders, all to be Hot Dip Galvanised in accordance with British Standard 729 of 1971, and expanding masonry anchors or bolts.

2. Manufacturers wishing to submit tenders must provide a sample of the goods to be delivered to the Telekom Main Store in Bandar Seri Begawan on or before the closing date for tenders, clearly label with the manufacturers name.

3. Any bids received without a sample being supplied will be invalid and will be rejected and the tender deposit forfeited.

4. Manufacturers or agents must provide a written certificate from their galvanised sub-contractor stating that all galvanising will be in accordance with the required standard. This is to be included with the tender.

5. Tenders will be received by the Chairman Tenders

Board, Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on 31st August 1982. Tenders received after the said time and date will be rejected.

6. Tenders should be submitted on the official form in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT—TENDER FOR SUPPLY OF GALVANISED, STEEL TELEPHONE POLES AND FITTINGS.

Bearing no indication of the name of the tenderer.

7. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei, upon a deposit of \$100.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers, provided that a valid tender is submitted, on production of the receipt for the deposit. The tender deposit will be forfeited by any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit samples, as required by paragraph 2.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

DI-RADIO DAN TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei.

1. PENYUNTING KANAN (BERITA)

C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan pengalaman

Lulus sekurang2-nya G.C.E. 'A' Level dalam 2 mata-pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Perengkat 'O' termasuk Bahasa Inggeris dan/atau HND dalam Mass Communication atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam tugas2 penyuntingan berita di-RTB, kecekapan dalam bidang penyuntingan dan kewartawanan, kedewasaan berfikir dan berkeupayaan bertindak dengan chepat dalam suasana tegang demi untuk menyelesaikan tugas2 ada-lah satu kelebihan. Mempunyai keperibadian dan sifat sa-bagai sa-orang ketua untuk mengawasi dan menyelia kakitangan-nya menjalankan tugas.

Tugas2 :

Menjadi Pembantu kepada Ketua Penyunting Berita dalam penyediaan / penyuntingan / membuat skrip/penerbitan dan penyampaian siaran2 berita harian dalam berita2 Tempatan dan Antarabangsa serta mengawasi susunan yang terator dalam siaran berita dan penerbitan berita harian yang di-terbitkan oleh penyunting yang bertugas. Penyunting Kanan juga di-kehendaki menerbitkan ranchangan 'Dunia Minggu Ini' mengikut giliran bertugas.

'Am-nya :

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa dan pada hari2 chuti awam atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift).

2. PENYELIA ALEHSUARA

C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan pengalaman :

Lulus sekurang2-nya G.C.E. 'A' Level dalam 2 mata-pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Perengkat 'O' termasuk Bahasa Inggeris, faham bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan Melayu, tegas, bertanggung-jawab dan chergas serta berkeupayaan berfikir dan bertindak dengan chepat dalam suasana tegang.

ATAU

Lulus sekurang2-nya G.C.E. 'O' Level dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris dan mempunyai pengalaman sa-lama 5 tahun dalam Bahagian Alehsuara atau Srikata dan dapat menunjukkan kerja2 yang baik dan memuaskan serta faham menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas2 :

Bertanggung-jawab kepada bahagian Ketua Ranchangan2 dan perjalanan pentadbiran Alehsuara yang termasuk menyusun/menyediakan jadual bertugas kakitangan, menterjemah/menyemak skrip yang di-terjemahkan, menyunting filem2 dan skrip2, menerbitkan ranchangan2 yang di-alehsuarakan (terus menerus di-Studio) dan juga meng-

dalikan pembayaran2 Suara dan penterjemah2.

'Am-nya :

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa dan pada hari2 chuti awam atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift).

3. PEGAWAI FOTO KANAN :

C. 1-2 EB. 3 — \$1110-\$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan pengalaman :

Lulus sekurang2-nya Sijil Tinggi Persekolahan atau G.C.E. 'O' Level dalam aliran Sains atau Art. Kebolehan yang di-buktikan sa-bagai Pegawai Seni Foto yang artistik dengan keahlian di-dalam sabuah pertubuhan seni foto yang di-akui antarabangsa. Sa-baik2-nya mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam bidang seni foto profesional/Juru2 Gambar/Juru Teknik Bilek Gelap dan dapat menunjukkan kerja2 yang baik dan memuaskan serta berkebolehan mengendalikan kakitangan bawahannya. Kebolehan bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan baik dan mempunyai lesen memandu kelas 3 serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu ada-lah merupakan satu kelebihan.

Tugas2 :

Menjadi Penolong kepada Pengurus Seni Foto Pegun dalam pembahagian / mengelolakan tugas2 Pegawai2 Seni Foto serta mengendalikan masalah2 yang sukar yang berkaitan dengan tugas2 seni foto.

4. PENOLONG PENAPIS (FILEM DAN PITA)

D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan pengalaman :

Lulus Tingkatan 5 dalam aliran Melayu atau Inggeris serta faham bertutur dalam Bahasa Inggeris. Pengetahuan profesional dalam operasi2 dan ranchangan2 talivishen dan juga sistem bagi pemilihan dan pembelian ranchangan2 merupakan satu kelebihan.

Tugas2 :

Bertugas sa-chara langsung dengan Jawatankuasa Penapis filem yang menjalankan tugas2 mereka sa-lama lima jam setiap hari yang juga menyediakan senarai harian filem2 dan pita2 untuk di-teliti/menyusun serta mengeluarkan laporan harian Jawatankuasa kepada Ketua Bahagian Ranchangan2. Menolong mengembangkan dan memelihara hubungan2 yang baik di-antara Jawatankuasa dan pehak Pengurusan RTB.

5. PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK

D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tugas2 :

a) Berumur di-antara 21 hingga 35 tahun.
b) Mempunyai 3 tahun pengalaman dalam teknik2 solek dan menghias disamping pengalaman yang sama dalam bidang pakaian.

Tugas2 :

Menurut penempatan tugas2 di-Bahagian Pakaian dan Solek.

6. JURU MESIN TINGKAT KHAS :

D. 2 EB. 3-4 — \$515-\$1175 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan pengalaman :

Sekurang2-nya lima tahun pengalaman bekerja dengan semua jenis kenderaan yang di-gunakan oleh RTB mengikut keupayaan Juru Mesin. Chatetan yang baik tentang kebolehan dan kecekapan yang di-sahkan oleh Jurutera Perkhidmatan2 Umom dan Mekanikal. Kelulusan dari segi kerja2 mekanikal yang di-iktiraf dan pengalaman yang bersangkutan ada-lah merupakan satu kelebihan.

Tugas2 :

Kapada Jurutera Perkhidmatan2 Umom dan Mekanikal di-bengkel kenderaan RTB. Menjalankan Pemereksaan2 'performance' dan keselamatan harian ka-atas kenderaan2 RTB dan menjalankan 'servicing' biasa yang tetap. Membaiki kerosakan2 kecil dan menghadapkan kepada Jurutera2 Perkhidmatan Umom dan Mekanikal bagi kerosakan2 besar. Sanggup melawat tempat2 di-mana kenderaan2 RTB itu mengalami kerosakan bagi menjalankan tugas2 membaiki.

7. PEMOTONG FILEM

E. 2-3 EB. 4 — \$470-\$700 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan pengalaman :

Lulus Tingkatan 3 aliran Inggeris dan 3 tahun pengalaman profesional dalam memotong filem-filem di-RTB dan kebolehan yang di-buktikan dalam pekerjaan ini.

Tugas2 :

